

Menjelaskan pengertian sebenar Al-Ma'unah

Oleh Maarop Md Noh

BH 14 JUL 2000

APABILA Kumpulan Perguruan Persaudaraan Ilmu Dalam Al-Ma'unah Malaysia (Al-Ma'unah) menimbulkan kegawatan dengan merompak senjata di Grik pada 2 Julai lalu, ramai yang tertanya-tanya adakah Ma'unah bererti ganas, atau penerajunya memesongkan tujuan kumpulan itu.

Walaupun kini perkataan Ma'unah begitu popular, dalam waktu yang sama ia cukup digeruni. Al-Ma'unah seolah-olah lambang keganasan.

Menurut pengarang *Kamus al-Murbawi*, Muhammad Idris Abdul Rauf al-Marbawi, perkataan *Ma'unah* adalah daripada bahasa Arab. Kata dasarnya adalah *'Awna* sementara *Ma'unah* adalah kata terbitan (masdar) dan ia bermaksud pertolongan.

Makna yang sama dijelaskan juga oleh Prof Muhammad Yunus dalam *Kamus Arab-Indonesia*. Begitu juga dalam *Kamus Melayu Arab* oleh Abu Abdul Latief Syeikh Ahmad Othman Bajunid dan Asad al-Kalali. Ringkasnya, perkataan al-Ma'unah tidak mempunyai

kan saja meninggalkan kesan yang cukup pahit kepada kumpulan itu, malah kepada agama Islam, masyarakat Melayu, pendidikan agama dan bahasa Arab serta pertubuhan sukarela Islam di negara ini.

Masyarakat majmuk di Malaysia dan masyarakat antarabangsa, khususnya yang bukan Islam, sudah tentu memandang perkara ini sebagai amat serius.

Secara spontan mereka akan menghubungkan kejadian itu dengan dakwaan kononnya Islam itu ganas dan masyarakat Islam tidak boleh bertolak ansur.

Dengan itu, pertubuhan agama yang murni juga terpalit. Lebih malang lagi, agama Islam tercemar dan bangsa Melayu terhina.

Seperti yang dijelaskan, *Ma'unah* bererti pertolongan. Sementara Al-Ma'unah adalah nama khas yang bertujuan meminta pertolongan.

Perkataan ini mempunyai maksud yang indah dan suci. Dalam al-Quran ada beberapa perkataan yang menjurus ke-

kejahatan. Dan bertakwalah kamu kepada Allah, sesungguhnya seksa Allah itu amat berat."

Selain itu, dalam surah al-Fatihah ayat 5 Allah mengajak hamba-Nya supaya menyembah-Nya saja dan kepada-Nya meminta pertolongan (*wa-iyyyakanastaiin*).

Dalam ayat ini, adapenambahan Sin dan Taa kepada kata dasar *'Awna*. Penambahan ini bermaksud meminta pertolongan terus kepada yang dipinta (Allah).

Berbeza dengan Al-Ma'unah yang bermakna pertolongan secara tiba-tiba, perkataan

pas senjata di Grik pada 2 Julai lalu adalah satu pengkhianatan, bukan saja kepada bangsa Melayu, agama Islam, malah kepada negara sendiri.

Dalam hal ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, memberikan ulasan yang tepat bahawa ada kemungkinan kumpulan itu ingin merampas kuasa di negara ini.

Dalam Islam, Al-Ma'unah memang diyakini kesahihannya. Dalam pengajian ilmu tauhid, Al-Ma'unah dianggap sebagai bantuan Allah kepada hambanya. Bagaimanapun, bantuan ini tidak datang serta-

longan."

Menurut ulama tafsir, apabila seseorang hamba itu meminta pertolongan kepada Allah, maka Allah berfirman kepada malaikat: "Dengarkanlah apa yang hamba-Ku pinta itu." (Rujuk Mukhtasar Ibnu Katsir, al-Baidhaawi, Syed Qutb - *Fizilali al-Qurun*)

Dalam al-Fatihah juga Allah mengajar hamba-Nya jenis pertolongan yang dipohon. Ayat berikut adalah permohonan terbabit: "Tunjukilah kami jalan yang lurus (siratal mustaqim)."

Begitu juga pada hujung ayat 2 al-Maidah yang bennaksud bertolong-tolong kamu kepada kebaikan dan jangan saling tolong-menolong dalam perkara kemungkaran dan keburukan.

Tetapi dalam situasi sekarang fungsi Al-Ma'unah sudah dikhianati. Kebanyakan penyalahgunaan perkataan ini dilakukan oleh kumpulan mempertahankan diri. Antaranya ialah Nasrul-Haq, Harimau al-Haq, Silat Ilham, Wali Suci dan pelbagai lagi.

Apabila kumpulan Al-Ma'unah merompak pelbagai jenis senjata dari Hem Batalion 304 Askar Wataniah di Grik dan berkubu di Bukit Jenalek di Sauk, Kuala Kangsar, Perak, perkataan Al-Ma'unah yang mulia itu secara automatik tercemar

sebarang konotasi keganasan.

Bagaimanapun, apabila Kumpulan Al-Ma'unah pimpinan Mohd Amin Mohd Razali merompak pelbagai jenis senjata dari Kern Batalion 304 Askar Wataniah di Griik pada 2 Julai lalu dan berkubu di Bukit Jenalek di Sauk, Kuala Kangsar, Perak, perkataan Al-Ma'unah yang mulia itu secara automatik tercemar.

Lebih malang apabila yang mencemarkan itu adalah bangsa Melayu dan beragama Islam. Mereka terdiri daripada golongan yang kuat beribadat. Menurut laporan, ketua kumpulan, Mohd Amin, pernah belajar di sebuah sekolah pondok di Kedah.

Walaupun kes itu sudah selesai, kesan psikologi yang dihadapi umat Islam di negara ini cukup mendalam. Jika pada 1994, Al-Arqam, sebuah pertubuhan dakwah yang berpengaruh diharamkan kerana kegiatan songsangnya, kini Al-Ma'unah, sebuah lagi pertubuhan yang berselindung di sebalik nama agama tiba-tiba mengganas.

Perbuatan golongan ini bu-

pada perkataan pertolongan (ma'unah). Selain *ma'unah*, al-Quran juga menggunakan perkataan nasaara.

Sebagai contoh, Allah berfirman, maksudnya: "Sesungguhnya Allah telah menolong kamu dalam Peperangan Badar, pada (ketika itu) kamu adalah orang yang tersangat lemah. Kerana itu, bertakwalah kepada Allah supaya kamu bersyukur-Nya." (Ah-Imran, 123)

Misalnya, dalam surah al-Furqaan ayat 4, Allah menggunakan kata dasar Ma'unah - 'Awna: "Dan orang kafir berkata, al-Quran ini tidak lain hanyalah kebohongan yang diada-adakan oleh Muhammad dan ia dibantu (A'anahu) oleh kaum yang lain: Maka sesungguhnya mereka telah berbuat suatu kezaliman dan dusta yang besar."

Dua lagi perkafaan yang membawa makna pertolongan ialah dalam hujung ayat 2 surah al-Maidah: "Dan tolong-menolonglah (*wata'awanu*) kamu dalam mengerjakan kebajikan dan takwa dan jangan tolong-menolong (*walata'awanu*) dalam berbuat dosa dan

nastainu bermaksud kami memohon uertolongan

Tiga lagi ayat menggunakan kata 'Awna tetani dengan penambahan Alif, Sin dan Taa di pangkal ayat. Ayat terbabit ialah *Wastainuu bis-sabri wasalah*. Ertinya: "Dan mohonlah pertolongan (*wastainuu*) dengan sabar dan mengerjakan solat." (Al-Baqarah: 45)

Terlanjur kita membicarakan kalimah 'Awna ini ada baiknya kita lihat lagi dalam surah yang sama ayat 153 berbunyi (maksudnya): "Hendaklah kamu meminta pertolongan (*ista'inuu*) dengan sabar dan solat, sesungguhnya Allah bersama mereka yang sabar."

"Berkata Musa kepada kaumnya, mohonlah pertolongan (*ista'inuu*) kepada Allah dan bersabarlah. Sesungguhnya bumi ini milik Allah diwariskan-Nya kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya." (al-A'araf: 128)

Berdasarkan semua perkataan 'Awna dalam ayat terbabit jelaslah ia mempunyai konotasi yang baik dan tidak cemar. Kerana itu perbuatan kumpulan Al-Ma'unah meram-

merta.

Abu Mansur al-Maturidi dan al-Hassan al-Basri, misalnya, menjelaskan bahawa Al-Ma'unah boleh berlaku jika dikehendaki Allah kepada hamba-Nya. Bagaimanapun, ia tidak berlaku secara paksaan.

Sebagai contoh, seseorang yang terjatuh ke dalam gaung berbatu-batan yang keras. Tetapi dengan pertolongan Allah, ia tidak mendapat sebarang kecederaan. Islam menganggap kelebihan orang ini sebagai satu pertolongan Allah (Ma'unah).

Pertolongan demikian juga mempunyai tingkatan tertentu. Misalnya kepada nabi dan rasul, anugerah seperti itu dipanggil mukjizat sementara kepada golongan wali Allah digelar karamah (keramat).

Jika kita mengkaji dasar Al-Ma'unah yang dijelaskan dalam al-Quran, kita dapati ia mengandungi paradigma kebaikan yang cukup murni.

Dalam Surah al-Fatihah, misalnya, Allah berfirman, maksudnya: "Hanya Engkau yang kami sembah dan hanya kepada Engkau kami mohon perto-

Golongan ini mengaku mereka adalah kumpulan silat. Tetapi pada hakikatnya mereka tidak mempraktikkan ilmu silat Melayu yang sebenarnya.

Mungkin secara tidak disadari mereka mempelajari sesuatu yang di luar pelajaran Islam. Misalnya ilmu kebatinan diajarkan oleh kumpulan Kajawen di Indonesia. Kumpulan ini menggabungkan kekuatan dalaman yang dipelajari daripada Buddha dan Hindu. Tetapi mereka berselindung dengan menggunakan Islam. (Rujuk *Dialog Kajawen*, Jakarta, 1978).

Dalam silat Melayu, kecekapan anggota adalah dipentingkan. Silat tidak menggunakan ilmu kebatinan. Jika ada hanyalah doa seperti memohon perlindungan kepada Allah ('*Auzubillah hi mins syaitanir rajim*).

Kumpulan yang menyalahgunakan doa untuk tujuan ilmu kebal dan sebagainya adalah menyalahi agama Islam. Dalam Islam, segala-galanya tertakluk kepada kekuasaan Allah. Sebagai hamba, manusia boleh berusaha tetapi hanya Allah yang menentukannya.